

**KESEDARAN DAKWAH ISLAMIYYAH  
DALAM KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI DAERAH MARAN**

**AWARENESS OF ISLAMIC PROSELYTIZATION  
AMONG THE MUSLIM COMMUNITY IN MARAN DISTRICT**

NURUL ATIKAH SHAFIE<sup>1</sup> & ZURAIDAH JULIANA MOHAMAD YUSOFF<sup>2</sup>

<sup>1 & 2</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu

Corresponding authors: nrlatikah812@gmail.com & zuraidahjuliana@unisza.edu.my

---

Received: 21 Aug 2021

Accepted: 03 Sept 2021

Published: 30 Sept 2021

---

**Abstract** *Da'wah is the foundation for the sustainability of the quality of Muslims. The demand for da'wah must be continued as an effort to preserve Islam and guide its people to continue to live a true life and be pleasing to Allah. However, Muslims are seen as uninterested to pursue and carry the demands of preaching. The awareness of preaching seems to have disappeared in the life of the society which is now more of a life with the concept of nafsi-nafsi without caring about the surrounding society. Therefore, this study aims to examine the level of awareness of da'wah among the community of Muslim in Maran, Pahang. The main aspects of this study will cover the topic on da'wah awareness among community of Muslim, the differences of the awareness based on demographic factors, and the effective techniques of da'wah. A total of 177 respondents were involved in this study. Data is collected using questionnaires and analyzed using SPSS computer private, which is an abbreviation of Statistical Package for Social Sciences. Based on the findings, the level of Muslim awareness on Islamic da'wah and effective da'wah techniques (in order to increase the awareness) is high. In addition, the findings showed that there were differences in the level of awareness of the Muslim community on da'wah on several demographic factors studied. Therefore, studies suggested gaining efforts and initiatives from various parties to ensure that the Muslim community have higher level of interest and awareness for carrying out for da'wah.*

**Keywords:** *Da'wah, da'wah awareness, dakwah technique*

**Abstrak:** Dakwah adalah tunjang kepada kelestarian kualiti umat Islam. Tuntutan berdakwah perlu diteruskan sebagai usaha memelihara Islam dan membimbing umatnya agar terus berada dalam kehidupan yang benar dan direhdai Allah. Namun, umat Islam dilihat sudah tidak cakna kepada tuntutan berdakwah. Kesedaran berdakwah seolah-olah sudah hilang dalam kehidupan masyarakat yang kini lebih kepada kehidupan berkONSEPnafsi-nafsi tanpa menghiraukan masyarakat sekeliling. Maka kajian ini bertujuan meninjau tahap kesedaran dakwah Islamiyyah dalam kalangan masyarakat Islam di daerah Maran, Pahang. Tiga aspek utama diberi fokus dalam kajian ini iaitu tahap kesedaran dakwah masyarakat Islam, perbezaannya berdasarkan faktor demografi, dan teknik dakwah yang berkesan. Seramai 177 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Data dikutip dengan menggunakan borang soal selidik dan

dianalisis menggunakan prisian komputer SPSS iaitu singkatan daripada *Statistical Package for Social Sciences*. Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi didapati bahawa tahap kesedaran masyarakat Islam tentang dakwah Islamiyyah dan teknik dakwah yang berkesan bagi meningkatkan kesedaran dakwah adalah tinggi. Di samping itu, dapatan membuktikan terdapat perbezaan pada tahap kesedaran masyarakat Islam tentang dakwah pada beberapa faktor demografi yang dikaji. Oleh itu, kajian ini mencadangkan supaya wujudnya usaha dan inisiatif daripada pelbagai pihak bagi memastikan masyarakat Islam mempunyai kesedaran yang tinggi dalam melaksanakan tugas dakwah.

**Kata kunci:** Dakwah, kesedaran dakwah, teknik dakwah

**Cite this article:** Nurul Atikah Shafie & Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff. (2021). Kesedaran dakwah Islamiyyah dalam kalangan masyarakat Islam di daerah Maran. [*Awareness of Islamic proselytization among the muslim community in Maran district*]. Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE), 1(3), 170-185.

## PENDAHULUAN

Dakwah merupakan satu usaha mengajak orang lain supaya beramal dengan ajaran Islam dan meninggalkan segala larangan Allah SWT. Dakwah ini juga boleh menjadikan manusia mentaati perintah Allah dan berjihad melawan hawa nafsu serta menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. (Syahrul Faizaz Abdullah, Azizah Othman, Solahuddin Ismail, 2006). Selain itu, dakwah merupakan salah satu usaha untuk mengajak manusia yang jahil berhijrah ke satu tahap yang lebih relevan dengan fitrah manusia ciptaan Allah SWT dan membawa manusia ke arah kebaikan sama ada dalam bentuk lisan, penulisan ataupun tingkah laku. Kegiatan dakwah ini perlu dirancang dengan penuh strategi bagi mempengaruhi orang lain untuk menerima Islam (Nur Athiroh Masyaa'il Tan Abdullah et. Al, 2014). Selain itu, dakwah juga didefinisikan sebagai usaha yang dilakukan oleh seseorang yang digelar pendakwah untuk mengajak orang lain beramal dan menghayati ajaran Islam serta taat kepada Allah Taala demi mencapai kesejahteraan di dunia dan akhirat (Ahmad Effat Mokhtar, Ibrahim Hashim, Misnan Jemali, Abdul Munir Ismail, 2017).

### Penyataan Masalah

Kegiatan dakwah kini khususnya di Malaysia semakin lama semakin berkurangan apabila masyarakat kini dilihat semakin kurang mempunyai usaha dalam memupuk kesedaran berdakwah. Di Malaysia, kesedaran masyarakat untuk melakukan tugas dakwah amat digalakkan. Namun, usaha dan sikap masyarakat sendiri khususnya masyarakat Muslim itulah yang menyekat atau membantutkan kesedaran berdakwah dalam diri setiap individu.

Menurut Syahrul Faizaz Abdullah (2006), sikap dan usaha umat Islam dalam menyebarkan dan melaksanakan kegiatan dakwah ini semakin hari semakin berkurangan sama ada kegiatan dakwah kepada orang bukan Islam mahupun kegiatan dakwah kepada orang Islam. Lagi merisaukan, apabila terdapat juga sebahagian umat Islam merasakan bahawa mereka tidak ada kena mengena dengan kegiatan dakwah, malah beranggapan bahawa tugas dakwah ini hanya melibatkan para ulama', asatizah dan pendakwah khusus. Dalam hal yang lain pula, ada juga dari kalangan ilmuwan seperti ustaz, dai'e dan pendakwah tidak melibatkan diri secara aktif dan

konsisten dalam gerakan dakwah. Hal ini telah menyebabkan pemahaman agama Islam semakin berkurangan dalam masyarakat kita pada hari ini.

Jika melihat kepada realiti kehidupan sekarang, masih ramai masyarakat Islam pada hari ini berada dalam kemaksiatan. Fenomena ini semakin berleluasa seperti sudah terbiasa tanpa rasa berdosa (Farahwahida Mohd Yusof et. al, 2008). Tidak dapat disangkal, jika masyarakat Islam tidak cakna kepada kegiatan dakwah, sekali gus boleh menyebabkan berlakunya keruntuhan modal insan dari kalangan anak Muslim. Impaknya, isu masalah sosial remaja dan kes pembuangan anak luar nikah yang semakin membimbangkan. Remaja hari ini sangat memerlukan tarbiah dan didikan agama Islam secara lebih mendalam dan sistematik supaya timbulnya kesedaran tentang dakwah Islamiyyah yang akan membimbing masyarakat Islam umumnya agar menyedari konsep dan syariat Islam dengan baik.

Antara isu yang berlaku pada hari ini ialah, perubahan identiti diri secara halus disebabkan oleh media massa terutamanya dalam kalangan remaja. Hal ini kerana media massa seperti gajet dan televisyen kebanyakannya mempunyai unsur negatif yang datangnya daripada budaya Barat telah menguasai diri masyarakat. Masyarakat pada hari ini semakin hilang budaya tempatan yang selari dengan syariat agama Islam kerana media global ini telah menjadi alternatif dalam pembentukan budaya masyarakat pada hari ini (Haryati Abdul Karim, 2014). Selain itu, masyarakat kini mengikut dan terpengaruh dengan budaya Barat kerana tidak mahu dilabelkan sebagai “kolot” dan dianggap sebagai orang yang ketinggalan zaman yang tidak mengikut arus kemodenan (Muhammed Fauzi Othman et. al, 2009). Bertambah malang, apabila turut berlaku penyelewengan fatwa dalam kalangan umat Islam ketika menjawab beberapa isu tanpa pengetahuan ilmu dan mengikut nafsu dan kehendak masing-masing dalam pengamalan nilai Islam (Husni Muhammad Harun, 2015).

Oleh itu, usaha dakwah perlu diteruskan bagi menangani isu yang melanda umat masa kini. Dakwah ini penting bagi mendorong manusia untuk kembali kepada Allah. Melalui usaha dakwah, Islam akan terus berkembang sebagai sebuah masyarakat yang berpegang teguh kepada ajaran Rasulullah SAW sekali gus dapat melahirkan barisan pendakwah yang kukuh akidahnya (Uswatun Ni’ami, 2020). Berdasarkan kepada isu yang telah dibincangkan, penyelidik berhasrat untuk menjalankan penyelidikan mengenai kesedaran dakwah dalam kalangan masyarakat Islam. Hal ini adalah untuk melihat sejauh mana masyarakat Islam mengambil berat tentang permasalahan atau isu yang berlaku sehingga timbulnya kesedaran terhadap urusan dakwah bagi memastikan kesinambungan Islam terus terpelihara.

## Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini mengkaji tentang kesedaran dakwah Islamiyyah dalam kalangan masyarakat Islam daerah Maran. Secara khususnya, kajian ini dijalankan adalah bertujuan mengenal pasti tahap kesedaran masyarakat Islam di Maran tentang dakwah Islamiyyah, meneliti perbezaan tahap kesedaran masyarakat Islam di Maran tentang dakwah Islamiyyah berdasarkan faktor demografi, dan mengenal pasti kefahaman masyarakat terhadap elemen keberkesanan dakwah.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang melibatkan edaran soal selidik menerusi *google form*. Seramai 169 responden dari penduduk daerah Maran, Pahang telah terlibat dalam kajian ini menerusi pensampelan rawak mudah. Kajian ini menggunakan satu set soal selidik yang telah diambil daripada Syahrul Faizaz Abdullah et. al (2006). Kesemua data dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) Windows versi 20.

## DAPATAN KAJIAN

Bab ini membincangkan tentang dapatan kajian berdasarkan analisis-analisis kajian yang diperoleh. Kesemua data yang dipaparkan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 20. Dapatan kajian ini dinyatakan berdasarkan kepada aspek demografi responden, tahap kesedaran terhadap dakwah Islamiyyah dan tahap kefahaman terhadap elemen keberkesanan dakwah. Selain itu, tahap kesedaran terhadap dakwah Islamiyyah berdasarkan faktor demografi jantina, umur, tahap pendidikan, latar belakang pengajian agama dan pekerjaan juga turut dibincangkan.

### Demografi Responden

Kajian ini melibatkan seramai 169 orang responen yang terdiri daripada 45 responden lelaki (26.6%) dan 124 responden perempuan (73.4%). Daripada 169 orang responden tersebut, majoritinya adalah dari kalangan responden yang berumur 21 hingga 30 tahun iaitu seramai 87 orang (51.5%). Kemudian diikuti dengan responden yang berumur 31 hingga 40 tahun iaitu seramai 27 orang (16%). Seterusnya adalah responden yang berumur 41 hingga 50 tahun iaitu seramai 16 orang (9.5%), responden yang berumur 20 tahun ke bawah seramai 14 orang (8.3%) dan yang paling sedikit adalah dari kalangan responden yang berumur 61 tahun dan ke atas iaitu seramai 4 orang (2.4%).

Jadual 1: Demografi Responden

		Frekuensi	Peratus
<b>Jantina</b>	Lelaki	45	26.6%
	Perempuan	124	73.4%
	<b>Jumlah</b>	<b>169</b>	<b>100%</b>
<b>Umur</b>	20 tahun ke bawah	14	8.3%
	21 – 30 tahun	87	51.5%
	31 – 40 tahun	27	16%
	41 – 50 tahun	16	9.5%
	51 – 60 tahun	21	12.4%
	61 tahun dan ke atas	4	2.4%
	<b>Jumlah</b>	<b>169</b>	<b>100</b>

## Kesedaran Masyarakat Terhadap Dakwah Islamiyyah

Hasil kajian mendapati bahawa tahap kesedaran masyarakat Islam di Maran terhadap dakwah Islamiyyah adalah tinggi iaitu ( $M=4.26$ ,  $SD=0.59$ ). Terdapat tujuh item yang memperolehi skor yang tertinggi iaitu item B5 dengan skor ( $M=4.40$ ,  $SD=0.70$ ) yang menyentuh tentang keperluan dalam mencontohi tauladan yang baik dan item B8 iaitu ( $M=4.40$ ,  $SD=0.68$ ) yang menyatakan perlu berani dan bersabar ketika berdakwah. Manakala item-item lain nilai skornya di bawah 4.40 bagi nilai min tetapi nilai SD masih berada di bawah nilai 1. Akhir sekali ialah, nilai yang paling rendah antara kesemua item-item tersebut ialah item B2 yang menyentuh tentang tidak sekadar menyeru sasaran kepada agama Islam dengan skor ( $M=3.95$ ,  $SD=0.79$ ).

Jadual 2: Dimensi Kesedaran terhadap Dakwah Islamiyyah

<b>Item Kesedaran Terhadap Dakwah</b>		<b>Mean</b>	<b>SD</b>	<b>N</b>
Saya perlu melaksanakan tanggungjawab amar ma'ruf dan nahi mungkar	<b>B1</b>	4.33	.677	169
Saya mengajak madu' kepada amalan cara hidup Islam	<b>B2</b>	3.95	.793	169
Gerakan dakwah perlu seiring dengan perkembangan masyarakat	<b>B3</b>	4.32	.702	169
Saya memikul tanggungjawab yang lebih besar untuk menyampaikan seruan dakwah	<b>B4</b>	4.00	.779	169
Saya perlu mencontohi tauladan yang baik	<b>B5</b>	4.40	.701	169
Saya perlu mengetahui ilmu fardhu kifayah (selain ilmu agama) yang ada hubungkait dengan masyarakat	<b>B6</b>	4.37	.697	169
Saya perlu mendalami ilmu Islam sebelum pergi berdakwah	<b>B7</b>	4.28	.723	169
Saya perlu berani dan sabar ketika berdakwah	<b>B8</b>	4.40	.658	169
Saya perlu memantapkan akidah sebelum berdakwah	<b>B9</b>	4.30	.714	169
<b>Kesedaran Terhadap Dakwah</b>		<b>4.26</b>	<b>0.59</b>	<b>169</b>

## Perbezaan Tahap Kesedaran terhadap Dakwah Islamiyyah Berdasarkan Faktor Demografi

Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dan tidak signifikan pada tahap kesedaran masyarakat Islam di Maran tentang dakwah Islamiyyah berdasarkan faktor demografi akan dinyatakan perbezaan dari segi jantina, umur, tahap pendidikan, latar belakang pengajian agama dan pekerjaan dalam subtopik ini.

Jadual 3: Perbezaan Elemen Dakwah Berdasarkan Faktor Demografi Jantina

	<b>t</b>	<b>Df</b>	<b>Sig. (2-tailed)</b>
JANTINA	50.840	168	.000
Kesedaran Dakwah Islamiyyah	93.773	168	.000
Kefahaman Terhadap Elemen Keberkesanan Dakwah	92.333	168	.000

Kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap kesedaran berdakwah ( $t = 93.773, p = 0.000$ ) dan kefahaman terhadap elemen keberkesanan dakwah ( $t = 92.333, p = 0.00$ ) berdasarkan faktor demografi jantina dalam kalangan masyarakat Islam di Maran sepetimana yang dinyatakan dalam jadual 3 di atas.

Jadual 4: Perbezaan Elemen Dakwah berdasarkan Faktor Demografi Umur

<b>Umur</b>	<b>f</b>	<b>df</b>	<b>Sig. (2-tailed)</b>
Kesedaran Dakwah Islamiyyah	4.857	5	.000
		163	
		168	
Kefahaman Terhadap Elemen Keberkesanan Dakwah	3.964	5	.002
		163	
		168	

Berdasarkan kepada jadual 4 di atas, ia menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap kesedaran berdakwah ( $f = 4.857, p = 0.000$ ) dan kefahaman terhadap elemen keberkesanan dakwah ( $f = 3.964, p = 0.002$ ) berdasarkan faktor demografi umur dalam kalangan masyarakat Islam di Maran.

Jadual 5: Perbezaan Elemen Dakwah Berdasarkan Faktor Tahap Pendidikan

	<b>f</b>	<b>df</b>	<b>sig</b>
Kesedaran Dakwah Islamiyyah	6.769	5	.000
		163	
		168	
Kefahaman Terhadap Elemen Keberkesanan Dakwah	8.535	5	.000
		163	
		168	

Jadual 5 di atas menunjukkan kajian ini mempunyai perbezaan yang signifikan pada tahap kesedaran berdakwah ( $f = 6.769, p = 0.00$ ) dan kefahaman terhadap elemen keberkesanan dakwah ( $f = 8.535, p = 0.000$ ) berdasarkan faktor demografi pendidikan dalam kalangan masyarakat Islam di Maran.

Jadual 6: Perbezaan Elemen Dakwah Berdasarkan Faktor Demografi Pengajian Agama

	<b>f</b>	<b>df</b>	<b>sig</b>
Kesedaran Dakwah Islamiyyah	3.679	4	.007
		163	
		167	
Kefahaman Terhadap Elemen Keberkesanan Dakwah	4.440	4	.002
		163	
		167	

Dapatan kajian ini memperoleh perbezaan yang signifikan pada tahap kesedaran berdakwah iaitu ( $f = 3.679, p = 0.007$ ) dan kefahaman terhadap elemen keberkesanan dakwah ( $f = 4.440, p = 0.002$ ) berdasarkan faktor demografi pengajian agama dalam kalangan masyarakat Islam Maran seperti yang dinyatakan dalam jadual 6 tersebut.

Jadual 7: Perbezaan Elemen Dakwah Berdasarkan Faktor Demografi Pekerjaan

	<b>f</b>	<b>df</b>	<b>sig</b>
Kesedaran Dakwah Islamiyyah	1.627	4	.170
		164	
		168	
Kefahaman Terhadap Elemen Keberkesanan Dakwah	2.424	4	.050
		164	
		168	

Berdasarkan jadual 7, ia menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang tidak signifikan pada tahap kesedaran berdakwah ( $f = 1.627, p = 0.170$ ) dan kefahaman terhadap elemen keberkesanan dakwah menunjukkan perbezaan yang signifikan iaitu ( $f = 2.424, p = 0.050$ ) berdasarkan faktor demografi pekerjaan dalam kalangan masyarakat Islam di Maran.

### **Kefahaman Masyarakat terhadap Elemen Keberkesanan Dakwah**

Hasil kajian mendapati bahawa tahap kefahaman masyarakat Islam di Maran terhadap elemen keberkesanan dakwah secara keseluruhannya adalah tinggi iaitu ( $M=4.08, SD=0.57$ ). Antara kesemua item tersebut, item yang memperolehi skor yang paling tinggi dalam mengenal pasti tahap kefahaman masyarakat Islam di Maran terhadap elemen keberkesanan dakwah ialah item C1 iaitu dengan skor ( $M=4.30, SD=0.69$ ) di mana item ini adalah berkenaan dengan perlu untuk memilih metod yang sesuai dengan sasaran. Manakala item yang lain pula memperolehi skor min di bawah 4.30 dan nilai SD pula kesemuanya memperoleh skor di bawah nilai 1. Akhir sekali ialah, item C5 yang menyatakan tentang menggunakan hubungan peribadi untuk mengubah pemikiran sasaran dengan skor ( $M=3.53, SD=0.88$ ) di mana item C5 ini merupakan item yang memperolehi skor yang paling rendah dalam mengenal pasti tahap kefahaman masyarakat Islam di Maran terhadap elemen keberkesanan dakwah.

Jadual 8: Dimensi Kefahaman Terhadap Elemen Keberkesanan Dakwah

<b>Item Kefahaman Terhadap Elemen Keberkesanan Dakwah</b>		<b>Mean</b>	<b>SD</b>	<b>N</b>
Saya perlu memilih metod yang sesuai dengan sasaran	<b>C1</b>	4.30	.697	169
Saya perlu menggunakan pendekatan psikologi ketika berdakwah	<b>C2</b>	4.21	.755	169
Saya perlu memilih metod yang boleh mempengaruhi sasaran	<b>C3</b>	4.22	.711	169
Saya perlu faham tentang metodologi dakwah masa kini	<b>C4</b>	4.27	.705	169
Saya menggunakan hubungan peribadi untuk mengubah pemikiran sasaran	<b>C5</b>	3.53	.887	169

Internet merupakan salah satu medium dakwah	<b>C6</b>	4.23	.645	169
Unsur kesenian adalah cara berdakwah	<b>C7</b>	3.93	.700	169
Kegiatan usrah adalah satu manifestasi dakwah di daerah Maran	<b>C8</b>	3.96	.763	169
Saya perlu memantapkan akidah sebelum berdakwah	<b>C9</b>	3.91	.766	169
Pendakwah perlu bijak mengamati situasi (keadaan) sasaran	<b>C10</b>	4.24	.703	169
Sebelum berdakwah da'ie perlu mengenalpasti latar belakang sasaran	<b>C11</b>	4.13	.799	169
<b>Kefahaman Terhadap Elemen Keberkesanan Dakwah</b>		<b>4.08</b>	<b>0.57</b>	<b>169</b>

## Sorotan Karya

Kesedaran dakwah bermaksud mempunyai rasa keinsafan, ingatan dan sifat ingin belajar dan juga mempunyai rasa melalui gerak hati iaitu bukan dengan berfikir (Kamus Dewan, Edisi Keempat, 2010). Dakwah didefinisikan sebagai kegiatan menyeru kepada amar makruf dan nahi mungkar. Ia juga dimaksudkan sebagai usaha yang diambil dalam menyampaikan peringatan dan nasihat kepada orang lain supaya dapat mengajak kepada ajaran Islam dan meninggalkan segala ajaran dan amalan yang menjauhkan diri daripada Allah SWT (Ahmad Effat Mokhtar, Ibrahim Hashim, Misnan Jemali, Abdul Munir Ismail, 2017). Dalam kajian ini, kesedaran dakwah dalam kalangan masyarakat Islam adalah merujuk kepada keprihatinan atau sikap mengambil berat yang muncul daripada rasa kesedaran dan keinsafan terhadap amalan berdakwah dalam hidup bermasyarakat. Manakala, teknik dakwah atau metodologi dakwah dalam kajian ini merujuk kepada kaedah-kaedah dakwah yang berkesan dalam menyampaikan dakwah.

Umat Islam yang beriman mempunyai akhlak dan peribadi yang baik berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah. Masyarakat Islam juga merupakan golongan manusia yang mempunyai tradisi, budaya, sikap dan perasaan yang boleh menyatukan hati sesama manusia dengan agama Islam (Dadan Marathon, 2017). Masyarakat Islam merupakan kelompok manusia yang mempunyai keimanan terhadap Allah SWT dan melakukan perkara-perkara yang baik seperti bersedekah, adil dan bersaudara dan menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT seperti bergaduh, bersikap sompong dan sebagainya (Irham M Jiat Latuamury, 2009).

Dalam Islam, kita meyakini bahawa nasib setiap orang berada dalam kehendak Allah. Maka, bukan menjadi tanggungjawab atau hak individu Muslim untuk berusaha "menukar" tahap keimanan orang lain. Oleh itu, tujuan dakwah hanyalah untuk berkongsi maklumat, mengajak orang lain ke arah pemahaman yang lebih baik mengenai iman. Sudah tentu, ini bergantung kepada madu' untuk membuat pilihannya sendiri. Dalam teologi Islam moden, dakwah berfungsi untuk mengajak semua orang, baik Muslim maupun bukan Islam, untuk memahami bagaimana penyembahan Allah (Tuhan) dijelaskan dalam Al-Quran dan diamalkan dalam Islam. Sebilangan umat Islam secara aktif belajar dan terlibat dalam dakwah sebagai amalan berterusan, sementara yang lain memilih untuk tidak berbicara secara terbuka mengenai iman mereka kecuali jika diminta. Sebilangan besar orang bukan Islam mendapat bahawa walaupun orang Islam bersedia berkongsi maklumat mengenai kepercayaan mereka kepada sesiapa sahaja yang berminat, mereka tidak memaksa isu tersebut. Umat Islam juga boleh melibatkan umat Islam lain dalam dakwah,

untuk memberi nasihat dan panduan untuk membuat pilihan yang baik dan menjalani gaya hidup bersyariatkan Islam.

### **Metodologi Dakwah**

Metodologi dakwah adalah suatu elemen yang penting dalam melaksanakan tugas untuk mengajak manusia kepada ajaran Islam berpandukan kepada Al-Quran dan As-Sunnah. Aktiviti dakwah ini telah dilakukan secara meluas oleh pelbagai organisasi yang dikenali sebagai Gerakan Islam antaranya ialah, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Gabungan Mahasiswa Islam Se-Malaysia (GAMIS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan sebagainya. Oleh itu, pengkaji akan menerangkan berkaitan dengan metodologi dakwah yang terdiri daripada pelbagai kaedah.

Menurut Amini Amir Abdullah (2014), pendakwah perlu sentiasa beristiqamah dalam menjalankan usaha dakwah dan tidak pernah merasa putus asa. Tugas dakwah ini bukanlah tugas yang boleh dipandang enteng dan bertindak acuh tidak acuh kerana tugas dakwah perlu dilaksanakan secara konsisten bagi mengelakkan para mad'u tersasar jauh daripada ajaran Islam yang sebenar. Pendakwah juga sewajarnya mengetahui latar belakang sasaran dakwah seperti budaya mereka, cara hidup dan juga mengambil berat tentang mereka dari sudut ekonomi. Hal ini kerana bagi memudahkan tugas berdakwah kerana pendakwah telah mengenali sasaran dakwah secara lebih mendalam sekaligus menyebabkan mereka mudah menerima ajaran Islam. Di samping itu, pendakwah juga sepatutnya melihat tahap pemikiran mad'u supaya mudah untuk mencapai objektif terhadap sasaran dakwah.

Seterusnya, Masitah Esa et. al (2017) menyatakan, menggunakan perkataan yang lemah lembut dan bijaksana dalam perbahasan merupakan salah satu metodologi dakwah. Perkataan yang lemah lembut boleh menarik minat seseorang iaitu sasaran dakwah untuk mendekati para pendakwah sekali gus menyebabkan dakwah tersebut diterima oleh golongan sasaran. Apabila berlakunya perbahasan dalam masyarakat, para pendakwah perlu menyelesaikannya dengan penuh kebijaksanaan dengan menggunakan ilmu agama yang telah dipelajari dengan teliti. Sebab itu lah para pendakwah mesti bersiap sedia dengan ilmu yang mantap sebelum pergi keluar untuk berdakwah kerana bimbang dengan ilmu yang disampaikan itu benar atau sesat.

Selain itu, menurut Nor Amin Sayani Zainal dan Mohd Ismail Mustari (2012), menggunakan komunikasi yang jelas dan mudah kepada mad'u merupakan metodologi dakwah. Nabi Muhammad SAW juga menggunakan bahasa yang jelas dan mudah difahami maksudnya oleh para mad'u kerana dalam kalangan mereka terdapat golongan yang bukan cerdik pandai dan sesuai untuk semua golongan masyarakat. Ini menyebabkan berlakunya kesulitan dalam memahami ajaran Islam jika penyampaian dakwah dilakukan dengan menggunakan bahasa yang sukar difahami oleh para mad'u. Menurutnya lagi, Rasulullah SAW menggunakan kata-kata yang mudah difahami kepada sasaran dakwah adalah bertujuan untuk bangkitkan semangat umat manusia dalam mengikuti ajaran Islam tanpa rasa terpaksa, susah dan terbeban. Oleh itu, jika memudahkan mereka untuk mengikuti dakwah, ia akan memberi keberkesanan yang baik kepada golongan sasaran tentang ajaran Islam yang dibawa oleh baginda SAW.

Kemudian, menurut Nor Amin Sayani Zainal dan Mohd Ismail Mustari (2012) lagi, metodologi dakwah ini boleh dilihat kepada memberi galakan dan ancaman kepada golongan sasaran dakwah. Beliau juga berpendapat metode penyampaian dakwah dengan menggunakan taktik galakan dan ancaman ini salah satu metode yang memberi kesan yang paling baik kepada mereka. Galakan dan ancaman ini dikenali sebagai targhib dan tarhib. Seharusnya sebagai pendakwah memberi galakan dan sokongan yang kuat dan padu kepada golongan sasaran supaya mereka memperoleh semangat dan tidak rasa terbeban untuk menerima dakwah. Ancaman pula digunakan apabila terdapat golongan sasaran yang terlampau degil atau banyak berdalih dengan menunjukkan atau menjelaskan ayat Al-Quran dan hadis tentang kemurkaan dan balasan daripada Allah Taala terhadap orang yang menolak ajaran Islam tidak kira golongan itu orang Islam atau bukan Islam.

Di samping itu, menurut Roshimah Shamsudin et. al (2017), berbuat baik dan bermesra dalam pergaulan dengan golongan sasaran adalah salah satu metode dakwah yang perlu diberi perhatian. Ini kerana, berakhhlak mulia sesama manusia merupakan ajaran yang dituntut dalam Islam seperti tolong menolong, bersabar, pemurah dan lemah lembut dalam pergaulan dan tindakan. Menurutnya lagi, metode ini merupakan cara Rasulullah menyampaikan dakwah dengan cara baginda SAW berinteraksi dengan penuh sopan dan lemah lembut kepada wanita bukan Islam yang sedang membawa air sambil menunggang kuda yang mana pada asalnya wanita tersebut tidak mempunyai air dan Nabi SAW memberi kepadanya air kemudian wanita tersebut memeluk agama Islam disebabkan oleh sifat keperihatinan Nabi Muhammad SAW.

Oleh itu, metodologi dakwah adalah merupakan strategi dalam menyampaikan dakwah untuk mempengaruhi golongan sasaran dakwah. Dengan menggunakan metode-metode dakwah yang berkesan, dakwah yang disampaikan itu mudah tersebar dan golongan sasaran tidak merasa takut dengan ajaran Islam malah tidak terbeban jika beramal dengan ajaran yang dituntut Allah SWT. Maka, pelaksanaan metode dakwah ini tidak boleh diperlekehkan dan mesti melaksanakannya terutama dalam organisasi gerakan Islam.

## **Kepentingan Dakwah**

Berdakwah ini bertujuan untuk mengajak seluruh umat manusia supaya beramal dengan ajaran Islam yang sebenar. Dakwah juga dapat membimbing masyarakat daripada melakukan perkara yang dilarang oleh Allah SWT dan melakukan segala perintahNya sekaligus dapat membentuk pribadi seseorang itu yang mempunyai rasa cinta dan kasih terhadap agama Islam itu sendiri. Oleh itu, terdapat beberapa kepentingan dakwah yang diperoleh daripada kajian-kajian lepas yang dinyatakan dalam subtopik ini.

Menurut Ab. Azizi Mohd Zain (2001), tugas dakwah ini sangat diperlukan bagi mengembalikan semua golongan masyarakat memperoleh ilmu pengetahuan tentang agama Islam, dapat menjauhkan diri daripada melakukan perkara yang mendatangkan dosa dan kembali mentaati perintah Allah SWT. Pelaksanaan aktiviti dakwah ini juga mestilah mengikut ketetapan syarak dan tidak memasukkan unsur-unsur kemaksiatan supaya dakwah tersebut sampai dalam hati setiap manusia kerana memperoleh keberkatan dan keredhaan Allah Taala.

Selain itu, menurut Muhyidin Haji Abdul Aziz (2003) beliau mengatakan dakwah ini dapat membimbing golongan yang jahil supaya kembali ke jalan Allah SWT. Pengimaranan dakwah melalui pelaksanaan aktiviti masjid banyak membantu dan memberi kesan yang baik kepada golongan sasaran dakwah kerana di masjid mereka dapat mendalamai ilmu agama oleh guru-guru takmir, penceramah jemputan dan sebagainya. Selain itu, pelaksanaan tugas dakwah melalui aktiviti kemasyarakatan anjuran masjid juga merupakan salah satu cara untuk mengajak mereka mendalamai amalan-amalan yang mulia di samping dapat mempengaruhi masyarakat luar tentang kepentingan berdakwah.

Kemudian, Abdul Munir Ismail (2015) mengatakan kepentingan dakwah ini adalah untuk meneruskan melakukan tugas Nabi Muhammad SAW dalam melaksanakan amar makruf dan menyeru manusia untuk menjauhi perkara mungkar. Ini kerana dakwah merupakan satu ajakan atau seruan kepada manusia supaya tidak terus berada dalam kemaksiatan dan berbalik kepada ajaran Islam yang sebenar iaitu agama yang disyariatkan oleh Allah SWT yang wajib diikuti oleh seluruh umat manusia.

Seterusnya, Ani Lestari (2015) berpendapat bahawa, dakwah ini dapat meyakinkan dan memantapkan akidah seseorang sehingga mempunyai keyakinan yang kukuh dalam melaksanakan ajaran-ajaran Islam. Dakwah juga dapat membentuk akhlak seseorang sehingga terbentuknya seorang Muslim yang mempunyai keperibadian yang baik sehingga menjadi ikutan orang ramai. Dengan dakwah juga, dapat membentuk sebuah institusi keluarga yang beriman dan taat perintah Allah Taala sekaligus menjadikan hubungan kekeluargaan itu bahagia dan sejahtera.

Menurut Burhanuddin Jalal (2018), berdakwah ini dapat memberi kepentingan dalam mendampingi dan membina ketamadunan sesebuah masyarakat. Dakwah yang dilakukan juga bukanlah dalam bentuk formal yang kaku kerana ia tidak memberi kesan yang baik kepada majoriti masyarakat. Hal ini kerana masyarakat juga dapat dibina melalui dakwah dengan cara berinteraksi dan bergaul antara pendakwah dan mad'u tidak mengira golongan supaya pendakwah dan masyarakat dapat bergaul dan menyesuaikan diri antara satu sama lain sekaligus dapat memberikan jalan penyelesaian bagi setiap masalah yang timbul dalam sesebuah masyarakat. Tambahan lagi, kemajuan pada masa kini telah berjaya dikecapi oleh seluruh dunia sehingga menyebabkan generasi kini terdedah kepada perkara-perkara yang mendatangkan dosa seperti pengaruh budaya barat, fesyen, hiburan yang melampau dan sebagainya. Pendakwah juga perlu mendekati generasi muda bagi membimbing mereka supaya membolehkan mereka bertindak dalam sesuatu perkara tidak melampaui batas-batas agama Islam. Dengan cara ini juga, boleh memberi peluang kepada mereka untuk bersama-sama bergerak dalam aktiviti dakwah sekaligus mereka juga berpeluang mengenali diri sendiri dengan cara yang lebih baik di samping dapat berbakti kepada masyarakat setempat.

## PERBINCANGAN

Walaupun masyarakat Islam mempunyai kesedaran tentang dakwah Islamiyyah, tetapi masih ada aspek penting yang berada pada tahap yang sederhana dan rendah. Masyarakat setempat khususnya yang beragama Islam perlu diberi bimbingan oleh pihak yang bertanggungjawab seperti unit

dakwah daripada Jabatan Agama Islam bagi menimbulkan rasa kesedaran bahawa dakwah merupakan tanggungjawab terhadap semua umat Islam. Dengan bimbingan itu juga, masyarakat turut memperoleh kesedaran tentang bagaimana teknik atau metod untuk mendekati sasaran dakwah dengan lebih efektif supaya mesej dakwah yang disampaikan itu berkesan. Pihak Jabatan Agama Islam Daerah juga disarankan untuk membuat kursus dakwah yang terbuka kepada semua lapisan masyarakat tidak kira tua atau muda, yang mempunyai latar belakang pengajian Islam ataupun tidak bagi memantapkan kesedaran masyarakat untuk turut bersama-sama mengajak manusia ke jalan yang disyariatkan oleh Allah SWT dan meninggalkan segala laranganNya.

Berdasarkan dapatan kajian, terdapat cadangan yang dapat dikemukakan kepada masyarakat Islam tentang kesedaran dakwah Islamiyyah. Antara cadangannya ialah masyarakat perlu sentiasa memperbaiki diri dengan menghadirkan diri ke majlis ilmu dan melazimi amalan yang baik supaya timbulnya roh Islam dalam diri sekaligus boleh menimbulkan kesedaran tentang dakwah Islam. Selain itu, masyarakat Islam seharusnya tidak melepaskan peluang untuk bersama-sama dengan unit dakwah apabila terdapat pelaksanaan program yang berkaitan dengan ilmu dakwah supaya dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan dalam mengaplikasikan metod dakwah kepada sasaran.

Dalam hal yang lain pula, masyarakat Islam juga sewajarnya mahir dalam penggunaan media dan hiburan supaya dapat memanfaatkannya untuk keberkesanan dakwah yang menepati citarasa madu'. Masyarakat Islam juga perlu mahir dalam mengenali sasaran dakwah supaya mudah untuk mengaplikasikan kaedah dakwah serta perlu bersatu padu dalam amar ma'ruf nahi mungkar supaya kesedaran dakwah dalam diri masyarakat Islam itu dapat ditingkatkan secara meluas.

## KESIMPULAN

Masyarakat Islam seluruhnya perlu mengetahui teknik dakwah yang sesuai digunakan terhadap madu' bagi meningkatkan tahap kesedaran dakwah Islamiyyah dalam kalangan masyarakat sekeliling. Seorang pendakwah perlu mempunyai ilmu dan pengalaman yang lebih mendalam berkaitan dengan ilmu dakwah khususnya serta sentiasa beramal mencegah kemungkaran. Setiap umat Islam wajib menyampaikan dakwah kepada keluarga sendiri dan memberikan kesedaran akan pentingnya berdakwah serta mempelajari teknik dakwah yang berkesan. Ahli keluarga khususnya adalah madu' utama perlu untuk mengajak beramal dengan kebaikan yang menepati syariat Islam. Inilah usaha efektif yang mampu melahirkan golongan yang berpegang teguh dengan ajaran Allah SWT dan sentiasa takut dengan azabNya.

Masyarakat Islam seharusnya menyedari bahawa tugasan dakwah ini adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk saling memperingati antara satu sama lain tentang suruhan Allah Taala dan laranganNya. Tahap kesedaran yang tinggi tentang dakwah Islamiyyah dapat memberi kesan yang positif kepada bangsa, agama, dan negara. Hal ini kerana, negara Malaysia adalah sebuah negara yang mana majoriti penduduknya adalah berbangsa Melayu dan secara tidak langsung agama Islam bebas diamalkan di mana-mana tempat kerana agama Islam merupakan agama rasmi negara Malaysia. Jika tahap kesedaran dakwah Islamiyyah ini semakin baik dalam

kalangan masyarakat Islam khasnya, ia boleh menjaga negara daripada berpaling dengan ajaran Barat sehingga melanggar syariat Islam. Seterusnya, negara boleh memantapkan lagi sistem yang semakin longgar dan tidak menyerap nilai-nilai Islam dalam pelbagai sudut seperti sistem perundangan. Tugas dakwah menjadi tanggungjawab setiap Muslim untuk meneruskan wasiat Nabi Muhammad SAW dalam menyebarkan ajaran Islam.

## RUJUKAN

- Ahmad Effat Mokhtar, Ibrahim Hashim, Misnan Jemali & Abdul Munir Ismail. (2017). Dakwah Kepada Golongan Profesional di Pahang. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 9(3), 136-148. Diambil dari <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1774/1299>
- Ahmad Sahlan Abdul Hatim & Mohd Nizam Sahad. (2020). Pendekatan Dakwah Kontemporari Melalui Kesenian. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 134-148. doi: <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.1.392>
- Alex Sobur. (2001). Dakwah Alternatif Di Era Global : Suatu Pendekatan Perubahan Sosial. *Mimbar: Jurnal Sosial Dan Pembangunan*, 17(4), 413-449. doi: <https://doi.org/10.29313/mimbar.v17i4.369>
- Amini Amir Abdullah. (2014). *Islam Yang Dinamik: Metodologi Dakwah Kontemporari*. Serdang, Malaysia: Universiti Putra Malaysia.
- Ani Lestari. (2015). *Pemikiran Kh. Abdul Wahab Hasbullah Tentang Dakwah Islamiyah*. (Tesis Sarjana, Institut Agama Islam Negeri Sultan Maulana Hasanuddin, Banten, Indonesia). Diambil dari <http://repository.uinbanten.ac.id/129/>
- Azzyati Mohd. Nazim. (2017). Manhaj Dakwah Al-Hissi Dalam Al-Qudwah Al-Hasanah Melalui Ummuhāt Al-Akhłāk: Al-Hikmah, Al-Syaja'ah, Al-'Iffah Dan Al-'Adl (An Analysis of the Methods of Al-Hissi Da'wah in Ummuhāt Al-Akhłāk: Al-Hikmah, Al-Syaja'ah, Al-'Iffah dan Al-'Adl). *Malaysian Journal of Islamic Studies (MJIS)*, 1(2), 43-54. Diambil dari <https://journal.unisza.edu.my/mjis/index.php/mjis/article/view/34/16>
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). *Applying the Rasch Model Fundamental Measurement In The Human Sciences*. New York, NY: Routledge & T. & F. Group, Eds., Third Edition.
- Burhanuddin Jalal. Amnah Saayah Ismail & Sayuti Ab Ghani. (2018). Dinamika Pendakwah Melaksana Dakwah Pelbagai Etnik. *Journal of Education and Social Sciences*, 9(1), 45-51. Diambil dari [https://www.jesoc.com/wp-content/uploads/2018/03/KC9\\_205.pdf](https://www.jesoc.com/wp-content/uploads/2018/03/KC9_205.pdf)
- Creswell, J. W. (2005). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. Thousand Oaks, California: Sage Publication.
- Dadan Marathon. (2017). *Masyarakat Islam: Sosiologi Islam*. Bandung, Indonesia: Simbiosa Rekatama Media. Diambil dari <http://digilib.uinsgd.ac.id/3230/1/dadan%20Tinjauan%20Buku.pdf>
- Dalinur. M. Nur. (2015). Dakwah Teori, Definisi Dan Macamnya. *Wardah*, 12(2), 135-141. doi: <https://doi.org/10.19109/wardah.v12i2.233>
- Evans, J. D. (1996). *Straightforward Statistics for the Behavioral Sciences*. Pacific Grove, CA: Brooks/Cole Publishing.
- Farahwahida Mohd Yusof, Aminuddin Ruskam, Azmi Shah Suratman, Mohd Nasir Ripin, Nur Raihan Nordin & Sharifah Munirah Timmiati. (2008). *Kaedah Penyelesaian Dalam Menangani Pertukaran Agama Dalam Kalangan Masyarakat Melayu-Islam Di Johor, Selangor Dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. (Laporan Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia). Diambil dari <https://core.ac.uk/download/pdf/11783805.pdf>

- Haryana Rozana Abdul Rahim. (2015). Dilema Wanita Berpendidikan Tinggi: Faktor-Faktor Wanita Berhenti Bekerja. *Sarjana: Journal of the Faculty of Arts and Social Sciences*, 30(1), 99-117. Diambil dari <https://ejournal.um.edu.my/index.php/SARJANA/article/download/5683/3425/12672>
- Haryati Abdul Karim. (2014). Globalisasi, Penggunaan Media Dan Identiti Hibrid Di Kalangan Remaja Malaysia. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 1(6), 77-106. Diambil dari <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/jkob/article/view/151/93>
- Hashiroh Hussain & Norshuhada Shiratuddin. (2016). Kebolehpercayaan Dan Korelasi Elemen Multimedia Dan Antara Muka Tablet Dalam Menilai Penceritaan Digital. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 31, 27-45. doi: <http://dx.doi.org/10.21315/apjee2016.31.3>
- Husni Muhammad Harun. (2015). *Pengaruh Globalisasi Terhadap Masyarakat Islam Mengikut Pandangan Yusuf Al-Qaradhawi*. (Masters thesis, Universiti Putra Malaysia). Diambil dari <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/58471/1/FEM%202015%2031IR.pdf>
- Idris Awang & Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2006). Sorotan Kajian Lepas: Teori Dan Amalan Dalam Penyelidikan Islam. *Jurnal Fiqh*, 3(3), 133-156. Diambil dari <https://fiqh.um.edu.my/index.php/fiqh/article/view/4110/1973>
- Irham M Jiat Latuamury. (2009). *Konsep Masyarakat Islam Ideal Dalam Al-Quran*. (Undergraduate thesis, Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel, Indonesia). Diambil dari <http://digilib.uinsby.ac.id/8771/1>
- Izzaty Ulya Munirah Abd Aziz & Zainab Ismail. (2018). Trait Personaliti Pendakwah Muslim: Satu Sorotan Literatur. *Al-Hikmah*, 10(1), 34-54. Diambil dari <http://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/article/view/258/pdf>
- Johanson, G. A., & Brooks, G. P. (2010). Initial Scale Development: Sample Size for Pilot Studies. Educational and Psychological Measurement. *Journal Sage Publications*, 70(3), 394-400. Diambil dari <http://www.psycholosphere.com/Initial%20Scale%20Development%20-%20Sample%20Size%20for%20Pilot%20Studies%20-2010%20-%20George%20Johanson%20&%20Gordon%20Brooks.pdf>
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Kesahan Dan Kebolehpercayaan Dalam Kajian Kualitatif*. (Kertas Kerja Kursus Penyelidikan Kualitatif, Universiti Teknologi Malaysia). Diambil dari [http://eprints.utm.my/id/eprint/41093/1/KamarulAzmiJasmi2012\\_Kesahan%26KebolehpercayaanKajianKualitatif.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/41093/1/KamarulAzmiJasmi2012_Kesahan%26KebolehpercayaanKajianKualitatif.pdf)
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat Cetakan Ketiga*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. Educational and Psychological Measurement. *Journal Sage Publications*, 30, 607-610. Diambil dari [https://home.kku.ac.th/sompeng/guest Speaker/KrejcieandMorgan\\_article.pdf](https://home.kku.ac.th/sompeng/guest Speaker/KrejcieandMorgan_article.pdf)
- Masmuddin. (2010). Dakwah dan Pengembangan Masyarakat. *Al-Tajdid*, 11(1), 37-46. Diambil dari <https://ejournal.iainpalopo.ac.id/index.php/tajdid/article/download/580/443>
- Masitah Esa, Amini Amir Abdullah & Siti Suhaila Ihwani. (2017). Metodologi Dakwah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Kepada Masyarakat: Satu Tinjauan Awal. Universiti Putra Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3(2), 26-37. Diambil dari <http://www.jurnaltamu.com/wp-content/uploads/2018/04/TAMU-Vol-32-December-2017-3.pdf>
- Merriam, S. B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Mohamad Nazli Omar. (2016). Teori dan Konsep Pengurusan Dakwah: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Ilmi*, 1(1), 149-168. Diambil dari <https://journal.kuim.edu.my/index.php/JILMI/article/view/43>

- Mohd Farid Hafidz Ahmad & Mohamad Khairi Hj. Othman. (2016). Pusat Islam Polimas: Penglibatan Program Dakwah Dan Hubungannya Dengan Amalan Ibadat Solat Dan Pengamalan Akhlak Pelajar. *Proceeding of the ICECRS*, 1(1), 653-662. doi <http://dx.doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.537>
- Muhammed Fauzi Othman, Mohd. Koharuddin Balwi & Mohd Azhar Abdul Hamid. (2009). *Globalisasi Dan Hubungan Etnik. Hubungan Etnik di Malaysia: Perspektif Teori dan Praktik*. Diambil dari [http://eprints.utm.my/id/eprint/14545/1/MuhammadFauziOthman2009\\_Globalisasi dan Hubungan Etnik.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/14545/1/MuhammadFauziOthman2009_Globalisasi dan Hubungan Etnik.pdf)
- Nik Muhammad Zawawi Hj. Salleh & Hj. Abdul Ghafar Bin Hj. Don. (2014). Pendekatan Dakwah Kepada Masyarakat Buddha di Negeri Kelantan. *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective: Selangor, Malaysia*. Diambil dari <http://www.ukm.my/rsde/wp-content/uploads/2014/11/08-Kajian-Buddha.pdf>
- Nik Safiah Nik Abdullah, Selamah Maamor & Norazlina Abd Wahab. (2021). Tahap Kecenderungan Mahasiswa Menyertai Program Pembangunan Kerohanian. *Journal of Social Sciences and Humanity*, 18(1), 215-231. Diambil dari <http://ejournal.ukm.my/ebangi/article/download/45808/11672>
- Noorhayati. (2019). Analisis Pengaruh Motivasi Kerja Terhadap Kepuasan Kerja Pegawai Kantor Kecamatan Tanah Siang Selatan Kabupaten Murung Raya. *Jurnal Ekonomi dan Manajemen*, 13 (1), 39-50. Diambil dari <https://journals.umkt.ac.id/index.php/JEM/article/view/179/79>
- Nor Hanani Mohd Noor. (2010). *Peranan Wanita Dalam Dakwah Mengikut Perspektif Al-Qur'an: Kajian Sūrah Āli 'Imrān*. (Masters thesis, University Malaya, Malaysia). Diambil dari [http://studentsrepo.um.edu.my/5241/1/tesis\\_nor\\_hanani.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5241/1/tesis_nor_hanani.pdf)
- Nor Amin Sayani Zainal & Mohd Ismail Mustari. (2012). Penerapan Metode Dakwah Di Dalam Melaksanakan Proses Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Di Dalam Dan Luar Bilik Darjah. In: *International Seminar on Teacher and Islamic Education (SEAPPI2012)*, Le Grandeur Palm Resort: Senai, Johor. Diambil dari <http://eprints.utm.my/id/eprint/53936/>
- Nur Athiroh Masyaa'il Tan Abdullah, Fakhru Adabi Abdul Kadir, Siti Rugayah Tibek & Amran Abdullah. (2014). Program Dakwah Islamiah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kebangsaan Kepada Saudara Muslim: Satu Tinjauan Dari Segi Pendidikan. *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective: Selangor, Malaysia*. Diambil dari <http://www.ukm.my/rsde/wp-content/uploads/2014/11/13-PROGRAM-DAKWAH-ISLAMIAH-PERTUBUHAN-KEBAJIKAN-ISLAM-MALAYSIA.pdf>
- Nur Syam. (2020). Paradigma dan Teori Ilmu Dakwah: Perspektif Sosiologis. *Jurnal Ilmiah Syiar*, 20(1), 01-18. doi: <http://dx.doi.org/10.29300/syr.v20i1.2604>
- Roshimah Shamsudin, Mohd Siroj Abdul Lathiff & Mohd Tajuddin Ismail. (2017). Uslub Dakwah Nabi S.A.W Terhadap Wanita Bukan Islam (The Prophet's Methodology of Da'wah to Non-Muslim Women). *Jurnal Al-Tamaddun*, 12(1), 1-13. doi: <https://doi.org/10.22452/JAT.vol12no1.1>
- Roslizawati Mohd Ramly, Dr. Sapora Sipon & Suhailiza Md. Hamdani. (2008). *Metodologi Dakwah Terhadap Remaja: Kajian Kes Di Jamaah Islah Malaysia (JIM)*. (Laporan Penyelidikan, Universiti Sains Islam Malaysia). Diambil dari <http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/1486/1/Roslizawati%20Mohd.%20Ramly%2C%20Dr.%20Sapora%20Sipon%2C%20Suhailiza%20Md.%20Hamdani.pdf>
- Saharizah Mohamad Salleh & Abdul Munir Ismail. (2018). Tahap Keaktifan Aktiviti Dakwah Remaja Di Masjid-Masjid Negeri Selangor: Satu Tinjauan. *Jurnal Hal Ehwal Islam Negeri Selangor*, 2(1), 1-

12. Diambil dari <http://www.jurnalselangor.com.my/assets/artikel---tahap-keaktifan-aktiviti--dakwah--remaja-di-masjid-masjid-negeri-selangor-satu-tinjauan.pdf>
- Syahrul Faizaz Abdullah, Azizah Othman & Solahuddin Ismail. (2006). Kefahaman Tentang Konsep Asas Dakwah Islamiah Dan Metodologi Dakwah Islamiah Di Kalangan Pelajar-Pelajar Institut Agama Islam Kedah (INSANIAH). In: *National Student Development Conference (NASDEC)*: Kuala Lumpur, Malaysia. Diambil dari <http://eprints.utm.my/id/eprint/589/>
- Uswatun Ni'ami. (2020). Aktualisasi Dakwah Di Era Globalisasi (Dalam Menegakkan Syariat Islam). *Ulul Albab: Jurnal Dakwah Dan Sosial Keagamaan*, 7(2), 50-62. Diambil dari <http://ejournal.kopertais4.or.id/sasambo/index.php/ululalbab/article/view/3889/2785>
- Uwoh Saefuloh. (2009). Implementasi Teori Dakwah Fungsional Dalam Meningkatkan Kesejahteraan Ummat. *Jurnal Ilmu Dakwah*, 4(14), 765-776. Diambil dari <https://journal.uinsgd.ac.id/index.php/idajhs/article/view/420>
- Yusmini Md. Yusoff & Mohd Anwarulhaq Sulaiman. (2004). Kajian Tentang Maklum Balas Masyarakat Terhadap Aktiviti Masjid-Masjid Negeri di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 20(20), 201-222. Diambil dari <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/4218/2065>